

Garis Panduan Mengenai Pelaksanaan Peraturan Arahan Perubahan dan Pelarasan Harga Bagi Kontrak Kerja

1.0 Kelulusan Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja

- 1.1 Arahan Perbendaharaan 202.2 memperuntukkan bahawa kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja bagi sesuatu permohonan perubahan kerja.
- 1.2 Selaras dengan A.P. 202.2 Jadual I dan A.P.203.1, keahlian dan had Jawatankuasa Perubahan Kerja peringkat JPS adalah seperti di [Lampiran I](#), permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan borang JKR-KPK(Pind. 1/2006) seperti di [Lampiran II](#), bagi perubahan kerja yang menyebabkan penambahan harga kontrak sahaja.
- 1.3 Pegawai yang memohon tidak boleh menjadi pengerusi atau ahli jawatankuasa.
- 1.4 Di bawah borang JKR-KPK, P.P. juga perlu mengemukakan anggaran nilai kerja perubahan yang terlibat. Nilai ini merupakan nilai sementara dan hendaklah disokong dengan pengiraan sewajarnya. P.P. juga dikehendaki membuat perakuan pematuhan kepada kehendak AP 202 iaitu sebagaimana yang tercatat di Bahagian D borang tersebut.
- 1.5 P.P. hendaklah memastikan bahawa semua permintaan perubahan kerja daripada Agensi Pelanggan hanya boleh diterima sekiranya ia dibuat secara bertulis oleh pihak-pihak yang dikenalpasti sebagai pihak yang diberi kuasa bagi Agensi Pelanggan tersebut.
- 1.6 Sekiranya terdapat pertambahan kepada nilai perubahan kerja yang telah diluluskan, kelulusan ke atas pertambahan tersebut hendaklah diperolehi daripada Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja yang berkenaan, selaras dengan peruntukan di Lampiran I.
- 1.7 Contoh Borang JKR-KPK yang telah diisi adalah sebagaimana di [Lampiran IIa](#).

2.0 Pengeluaran Arahan Perubahan Kerja

- 2.1 Setelah kelulusan diperolehi daripada Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja, P.P. hendaklah mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja berdasarkan peruntukan Syarat-syarat Kontrak dan A.P. 202.1.

- 2.2 Arahan Perubahan Kerja hendaklah dikeluarkan dengan menggunakan borang JKR-APK (Pind. 2/2003) seperti di [Lampiran III](#). Satu borang JKR-APK hendaklah dikeluarkan bagi satu perubahan kerja. Dengan penggunaan borang JKR-APK, Arahan P.P. atas Borang JKR 203U adalah dikecualikan bagi mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja.
- 2.3 Carta Aliran yang melibatkan perubahan kerja adalah seperti di [Lampiran IV](#).
- 3.0 Bayaran Atas Kerja Perubahan**
- Dengan pengeluaran Arahan Perubahan Kerja JKR-APK, maka P.P. boleh membuat bayaran mengikut nilai kemajuan kerja yang disediakan oleh Kontraktor semasa kerja-kerja perubahan (tambahan) tersebut dilaksanakan.
- 4.0 Perakuan Pelarasan Harga Kontrak**
- 4.1 Dengan pengeluaran Arahan Perubahan Kerja melalui borang JKR-APK harga kontrak turut diubah sebanyak nilai sementara yang telah dianggarkan. Setiap JKR-APK yang dikeluarkan hendaklah dimuktamadkan nilainya berdasarkan pengiraan, tidak kira sama ada nilainya berubah atau pun tidak dengan menggunakan borang JKR-PHK (Pind 1/2001) seperti di [Lampiran V](#).
- 4.2 Nilai yang dinyatakan di dalam borang JKR-PHK adalah merupakan nilai bersih perbezaan di antara nilai muktamad kerja perubahan dengan nilai sementara dalam JKR-APK.
- 4.2 Pelarasan muktamad terhadap Arahan Perubahan Kerja hendaklah dibuat sebaik sahaja kerja-kerja yang terlibat dijalankan dan semua maklumat diperolehi untuk membolehkan pengukuran penilaian muktamad dibuat.